

Pertumbuhan ekonomi suku pertama dijangka 5%

Utusan Online

23 Mei, 2012

PUTRAJAYA 22 Mei - Ekonomi negara dijangka terus kukuh dengan mencatatkan pertumbuhan antara empat hingga lima peratus pada suku pertama tahun ini di sebalik krisis ekonomi di Eropah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, biar pun krisis itu telah menyebabkan banyak negara di sana mengalami kemelesetan ekonomi namun ia tidak memberi banyak kesan kepada ekonomi negara.

Katanya, keyakinan itu berdasarkan beberapa petunjuk yang menjadi rujukan utama dalam menilai prestasi ekonomi negara.

"Daripada statistik awal kita dapati ekonomi negara berada dalam keadaan baik berdasarkan data-data yang terkumpul, bagaimanapun kita sedar apa yang berlaku di Eropah terutamanya di Greece sedikit sebanyak memberi kesan kepada negara lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2011 kepada seramai 250 kakitangan Jabatan Perangkaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) hari ini.

Turut hadir Ketua Perangkawan, Dr. Abdul Rahman Hasan.

Menurut Nor Mohamed, kerajaan yakin dapat menangani kesan daripada krisis di Eropah berdasarkan pengalaman menghadapi krisis ekonomi sebelum ini.

"Sebelum ini kita pernah hadapi cabaran yang lebih mencabar seperti pada tahun 1969, 1987, 1989 di mana ekonomi merudum disebabkan faktor luar (krisis di Eropah). Selain itu krisis pada 2007 hingga 2009, jadi kita sudah biasa dengan cabaran-cabaran sebegini," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Bank Negara Malaysia akan mengumumkan lebih lanjut prestasi ekonomi suku pertama tahun ini esok.

Terdahulu, ketika berucap pada majlis itu, beliau berkata, Jabatan Perangkaan telah membangunkan aplikasi yang membolehkan kerja pengumpulan data di lapangan, peningkatan kemudahan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pengurusan rangka sampel, pemprosesan data dan komunikasi data dilaksanakan secara bersepadu.

Katanya, melalui perkhidmatan National Enterprise Wide Statistical System (NEWSS) bilangan penerbitan statistik yang dimuat naik secara percuma telah meningkat daripada 64 penerbitan pada 2010 kepada 87 penerbitan pada tahun lepas.

Beliau berkata, pada masa yang sama, bilangan pelanggan yang memuat turun penerbitan statistik juga meningkat daripada 150,000 pengguna pada 2010 kepada 250,000 pengguna pada tahun lepas.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0523&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_02.htm